

05 JUL 2001

Mahathir-Kelantan

SULTAN K'TAN MUNGKIN ADA SEBAB SENDIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan Sultan Kelantan yang dikatakan enggan memperkenankan pindaan perlembagaan negeri itu bagi membataskan kuasa dan fungsi raja, tidak semestinya bermaksud baginda memihak kepada mana-mana parti politik.

"Mungkin baginda ada sebab-sebab lain, bukan baginda memihak kepada parti politik," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas menghadiri dialog dengan para saintis dan peserta Konvensyen Sains 2001 di Seri Kembangan.

Dr Mahathir berkata baginda mungkin merasakan niat di sebalik pindaan undang-undang itu bukan seperti tujuan kerajaan pusat meminda Perlembagaan Persekutuan berhubung kuasa raja beberapa tahun dahulu.

"(Pindaan yang) kita buat dulu untuk menghindar perlakuan yang tidak baik, yang bercanggah dengan undang-undang oleh raja-raja. Tapi yang ini nampak pasal nak marah pasal sesuatu perkara tertentu," katanya.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat sebagai berkata Sultan Kelantan hanya akan mengundang bahaya jika benar baginda enggan memperkenankan pindaan itu yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 25 Jun lepas.

Nik Aziz dilaporkan sebagai berkata sekiranya pindaan itu tidak berlaku, rakyat Kelantan akan menganggap tindak-tanduk baginda adalah disebabkan tekanan daripada sebuah parti politik.

Di KOTA BAHARU, Majlis Jaksa Pendamai (JP) Negeri Kelantan meminta pemimpin kerajaan negeri itu menghentikan segera daripada membuat kenyataan yang boleh mengancam ketenteraman raja berhubung pindaan perlembagaan negeri itu.

Presidennya Datuk Sukri Mohamed berkata jika kerajaan negeri menganggap mereka telah melaksanakan apa yang dianggap patut dilaksanakan, maka tidak perlu lagi membuat kenyataan demi kenyataan yang dilihat sebagai mendesak, menyindir, memberi ancaman atau mengugut Sultan untuk melaksanakan peranan mutlak yang berada di tangan baginda.

"Malah JP Kelantan berharap kerajaan negeri Kelantan sepatutnya mengambil tanggungjawab untuk meredakan keadaan demi menentukan perhubungan mesra yang sepatutnya perlu dijalinan dengan pihak Istana sepanjang masa," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sukri berkata JP Kelantan terkejut dan terkilan dengan kenyataan Nik Aziz semalam sebagaimana yang dilaporkan di muka hadapan sebuah akhbar hari ini.

"Mereka sepatutnya bukan sahaja perlu menghentikan membuat kenyataan di peringkat pimpinan negeri malah perlu meminta rakyat menghentikan perdebatan umum yang boleh menghakiskan rasa hormat kepada raja," kata Sukri.

Beliau berkata JP Kelantan melihat isu pindaan perlembagaan negeri itu terlalu dipolitikkan dan mereka berharap agar isu itu tidak terus menyeret institusi raja untuk kepentingan politik.

JP Kelantan berharap hubungan antara kerajaan negeri dan institusi raja adalah hubungan "timbang balik" iaitu saling perlu memerlukan, katanya.

Beliau berkata JP Kelantan mengajak semua pihak meletakkan institusi raja pada suasana yang sentiasa terhormat, utuh dan berdaulat.

"Raja adalah lambang kedaulatan bangsa dan negara, kepada orang Melayu institusi raja adalah lambang ketuanan Melayu, oleh yang demikian sebarang tuturkata dan tindak-tanduk mana-mana pihak mestilah sejajar dengan

kehalusan nilai budi masyarakat Melayu yang menjadi kebanggaan semenjak berzaman," katanya.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata terserahlah kepada Nik Aziz sama ada mahu membuat permohonan atau tidak kepada Kerajaan Persekutuan supaya menggunakan Fasal 71 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan pindaan perlembagaan negeri itu menjadi undang-undang walaupun tanpa persetujuan Sultan.

Bagaimanapun beliau percaya Nik Aziz tidak akan tergamak membuat permohonan seperti itu, kata beliau ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Undang-Undang Siber Ke-2 di Kuala Lumpur hari ini.

Rais mengulangi kenyataannya bahawa kerajaan Kelantan mempunyai pilihan menggunakan Fasal 71 itu memandangkan ia bersama Kedah dan Johor masih belum memasukkan Jadual 8 Perlembagaan Persekutuan mengenai perubahan kuasa dan fungsi raja dalam Perlembagaan Negeri.

-- BERNAMA

NZ ES NMO